

Headline	JKN diarah siasat darah HIV		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	16 Oct 2011	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	u6	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	163 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 896
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,688



JKN diarah siasat darah HIV

IPOH, PERAK - Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) diarah menjalankan siasatan secara terperinci berhubung dakwaan seorang pesakit wanita warga emas yang dijangkiti HIV sewaktu menjalankan pemindahan darah akibat penyakit kencing manis sejak 2009.

Pesakit berusia 56 tahun itu mengalami penyakit kencing manis sejak 17 tahun lalu dan mula menjalankan rawatan hemodialisis kira-kira tiga tahun lalu.

Exco Kerajaan Negeri, Datuk Dr Mah Hang Soon berkata, sepanjang rawatan dilaksanakan sebanyak lapan pain darah diterima melalui pemindahan darah yang dijalankan ke atas wanita terbabit.

Menurutnya, setakat ini analisa sudah dijalankan ke atas enam daripada lapan penderma darah terbabit dan keputusannya didapati negatif HIV.

"Dalam masa yang sama, kami masih me-



nunggu keputusan ujian darah seorang lagi penderma darah terbabit.

"Bagaimanapun, kami masih mengesan seorang lagi penderma darah dan berharap ia dapat tampil supaya ujian darah boleh dijalankan dengan segera," katanya pada sidang media di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB).

Terdahulu, Hang Soon meluangkan masa melawat pesakit malang terbabit bagi mengenal pasti masalah dan punca sebenar berhubung kejadian itu.

Sebelum ini, pesakit terbabit menjalankan rawatan hemodialisis di Hospital Teluk Intan namun di-

“ Kami masih mengesan seorang lagi penderma darah dan berharap dia tampil supaya ujian darah boleh dijalankan .”

- Hang Soon

pindahkan ke HRPB untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Hang Soon berkata, wanita itu sudah empat hari dimasukkan di hospital berkenaan dan meneruskan rawatannya.

"Kami ada menawarkan rawatan 'continuous ambulatory peritoneal dialysis' (CAPD) namun pesakit terbabit mahu meneruskan rawatan hemodialisis seperti biasa," katanya.

Sehubungan itu, beliau sudah mengarahkan Pengarah Kesihatan Negeri untuk menyiasat perkara berkenaan secara teliti dengan segera.